



---

---

**MAJLIS ISTIADAT PENAMAAN DAN PENTAULIAHAN  
PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL, DI PELABUHAN KLANG**

---

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.  
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,  
Nelayan-Nelayan, Pengusaha Bot dan Semua Pihak Yang Berkaitan.  
Tarikh : 15 Disember 2006.

---

Sukacita dimaklumkan bahawa "Majlis Istiadat Penamaan dan Pentauliahan Pusat Hidrografi Nasional" akan diadakan di perkarangan serta di kawasan Jeti Pusat Hidrografi Nasional, TLDM, Pulau Indah, Pelabuhan Klang pada 19 Disember 2006 (Selasa), dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang. Beberapa buah kapal serta bot-bot yang terlibat dalam Istiadat itu, akan turut ditambahkan di Jeti Pusat Hidrografi berkenaan, di sepanjang tempoh Istiadat berjalan.

2. Perlu dimaklumkan juga bahawa **Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor** berkenan Mencemar Duli untuk menghadiri Majlis Istiadat tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan terlibat dan di mana praktikal serta selamat, mestilah mengelak dari memasuki kawasan itu di sepanjang tempoh Majlis Istiadat berjalan. Di samping itu, semua vesel juga dikehendaki agar memperlahankan kelajuan (*Safe Speed*) semasa melintasi perairan terlibat, bagi mengekalkan keselesaan dan keselamatan kapal-kapal serta bot-bot yang terlibat, serta kesempurnaan perjalanan Majlis Istiadat tersebut.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( MOHD SANI BIN ROSLI )**

b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,  
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
  - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
  - (iii) Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kelang.
  - (iv) Pengarah Perikanan Negeri Selangor.
  - (v) Pengarah LKIM Negeri Selangor.
  - (vi) Komander Polis Marin Selangor.
  - (vii) Unit Perkhidmatan Trafik Maritim, Pusat VTS/MRCC.